



SUKARELAWAN berganding bahu mengangkat barang lama untuk dibuang.

## Lawatan amal Coop Care

### Apa Berlaku

**S**ESIAPA sahaja yang melangkah masuk ke asrama Rumah Kebajikan Taman Sinar Harapan pasti akan tersentuh hati melihat penghuninya terlantar dengan pandangan sayu tanpa mampu bersuara.

Rumah yang dihuni kira-kira 217 warga istimewa terutama pesakit *cerebral palsy* itu menyaksikan kehidupan mereka jauh berbeza dengan insan normal lain.

Berfungsi untuk memberikan penjagaan dan perlindungan kepada penghuni yang mengalami kecacatan akal yang teruk dan tidak boleh dilatih lagi, rumah kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Kuala Kubu Bharu, Selangor itu adalah satu-satunya institusi yang menempatkan golongan istimewa berusia antara 15 hingga 73 tahun.

Difahamkan, hampir 70 peratus penghuni taman itu tidak mempunyai ibu bapa mahupun ahli keluarga. Jika ada sekalipun, kebanyakan mereka datang daripada keluarga kurang mampu dan tidak mempunyai pengetahuan mengurus anak terencat akal.

Lebih malang, ada di antara mereka dipinggirkan keluarga, hidup sebatang kara dan dihantar keluarga sendiri sehingga terpaksa menjadi penghuni tetap di Taman Sinar Harapan.

Atas rasa tanggungjawab, Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia

Berhad (Angkasa) merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Abdul Fattah Abdullah menganjurkan lawatan amal Coop Care Ke Taman Sinar Harapan itu sempena Hari Sukarelawan Sedunia. Lawatan diadakan dengan kerjasama Jabatan JKM Selangor dan Rakan Sukarelawan Coop Malaysia.

Menurutnya, Angkasa bertanggungjawab melebarkan program tanggungjawab sosial koperasi dengan menjalinkan kerjasama dengan JKM dan Rakan Sukarelawan Coop Malaysia bertujuan menyelami kehidupan insan istimewa.

“Melalui program ini, Angkasa menyemai sifat keprihatinan terhadap masyarakat menerusi aktiviti gotong-royong bagi menceriakan kawasan sekitar taman ini. Kami juga membina landskap baharu untuk dijadikan tempat rehat mereka.

“Program ini lebih kepada pengisian dalaman untuk mendedahkan ahli koperasi dan sukarelawan terhadap keperluan rohani insan istimewa di samping meraih pahala melalui sumbangan yang diberikan.

“Selain bantuan, sokongan berterusan keluarga dan masyarakat dapat membantu insan istimewa ini meneruskan kehidupan dengan selesa dan gembira kerana mereka sangat memerlukan kasih sayang, jagaan, perhatian dan penerimaan masyarakat,” katanya dalam satu kenyataan kepada Utusan Malaysia.